



**MINIT MESYUARAT JAWATANKUASA KERJA
SISTEM PENGURUSAN KESELAMATAN MAKLUMAT (ISMS)
MS ISO/IEC 27001:2013 KALI KELAPAN**

TARIKH : **06 APRIL 2018 (JUMAAT)**

MASA : **10.00 PAGI**

TEMPAT : **BILIK WACANA PUTRA 3, ARAS 2, BANGUNAN
PEJABAT TNCPI, UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA**

KEHADIRAN : **LAMPIRAN A**

MINIT	AGENDA	TINDAKAN/ MAKLUMAN
8.1	ALUAN Pengerusi Pengerusi memulakan mesyuarat dengan bacaan Al-Fatihah dan mengalu-alukan kehadiran penasihat dan ahli jawatankuasa kerja serta wakil ke Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat (ISMS) MS ISO/IEC 27001:2013 Kali Kelapan.	Makluman
8.2	PENGESAHAN MINIT MESYUARAT JAWATANKUASA KERJA SISTEM PENGURUSAN KESELAMATAN MAKLUMAT (ISMS) MS ISO/IEC 27001:2013 KALI KETUJUH Minit Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat (ISMS) MS ISO/IEC 27001:2013 Kali Ketujuh yang diadakan pada 02 Februari 2018 disahkan tanpa sebarang pindaan.	Makluman

MINIT	AGENDA	TINDAKAN/ MAKLUMAN
8.3	PERKARA BERBANGKIT 8.3.1 Mesyuarat meneliti perkara-perkara berbangkit hasil Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat (ISMS) MS ISO/IEC 27001:2013 Kali Ketujuh adalah seperti pada Lampiran B. 8.3.2 Mesyuarat mengambil maklum kesemua perkara yang memerlukan tindakan telah dilaksanakan oleh peneraju yang terlibat.	Makluman Makluman
8.4	LAPORAN PENCAPAIAN OBJEKTIF KESELAMATAN MAKLUMAT SISTEM PENGURUSAN KESELAMATAN MAKLUMAT (ISMS) MS ISO/IEC 27001:2013 Mesyuarat: 8.4.1 mengambil maklum Laporan Pencapaian Objektif Keselamatan Maklumat tahun 2018 sehingga April 2018 adalah seperti mana perincian di Lampiran C. 8.4.2 mengambil maklum bagi tahun 2018, sebanyak enam (6) objektif keselamatan maklumat telah ditetapkan dengan empat (4) daripadanya adalah objektif sediaada manakala dua (2) adalah objektif baharu mengambilkira aktiviti perluasan skop penilaian pengajaran. 8.4.3 mengambil maklum laporan pencapaian Objektif Keselamatan Maklumat Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat (ISMS) MS ISO/IEC 27001:2013 belum dapat diukur sehingga April dan meminta peneraju yang terlibat mengambil tindakan sewajarnya untuk pelaporan mesyuarat akan datang.	Makluman Makluman Peneraju ISMS yang berkenaan
8.5	LAPORAN DOKUMENTASI SISTEM PENGURUSAN KESELAMATAN MAKLUMAT (ISMS) MS ISO/IEC 27001:2013 Mesyuarat: 8.5.1 mengambil maklum cadangan mewujudkan Dokumen Rujukan Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat yang lebih mudah, ringkas dan patuh keperluan Standard MS ISO/IEC 27001:2013 bagi menggantikan Manual Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat adalah sepertimana pada Lampiran D.	Makluman

MINIT	AGENDA	TINDAKAN/ MAKLUMAN
	8.5.2 mengambil maklum cadangan pewujudan dokumen rujukan ini adalah hasil cetusan idea daripada Bengkel Semakan Dokumentasi ISMS yang telah diadakan pada 9 Mac 2018 bagi meneliti kembali dokumentasi ISMS dan QMS yang boleh dimantapkan dan dipermudahkan bagi tujuan rujukan dalam pelaksanaan ISMS di UPM.	Makluman
	8.5.3 mengambil maklum secara dasarnya dokumen rujukan ISMS akan mengandungi maklumat berikut: (i) Pengenalan ISMS; (ii) Sejarah Pelaksanaan ISMS; (iii) Dasar ISMS; (iv) Skop Pensijilan ISMS; (v) Objektif Keselamatan Maklumat; (vi) Pihak Berkepentingan ISMS dan Ekspektasi Mereka; (vii) Isu Dalaman dan Isu Luaran ISMS; (viii) Pengurusan Risiko ISMS; (ix) <i>Statement of Applicability</i>; dan (x) Senarai <i>Standard Operation Procedure</i> (SOP) yang dirujuk.	Makluman
	8.5.4 turut mengambil maklum dan bersetuju dengan cadangan penukaran <i>Statement of Applicability</i> (SoA) daripada skop Sokongan ISMS (SOK) kepada Skop Pengurusan ISMS (PGR) dan diletakkan di bawah tanggungjawab Pusat Jaminan Kualiti sebagaimana dokumentasi skop pengurusan yang lain mengambil kira dokumen SoA merupakan dokumen rujukan utama dalam proses pelaksanaan ISMS di UPM.	Urusetia CQA
	8.5.5 mengambil maklum cadangan ini akan dibawa untuk pemakluman awal Mesyuarat Jawatankuasa Kualiti pada 10 April 2018 dan perincian mengenai perubahan dokumentasi skop pengurusan ini akan dibawa untuk kelulusan mesyuarat berikutnya.	Urusetia CQA
	8.5.5 turut mengambil maklum senarai dokumentasi ISMS dan QMS yang telah disemak dan dimantapkan bagi memudahkan rujukan dalam pelaksanaan ISMS adalah sebagaimana paparan semasa mesyuarat.	Makluman

MINIT	AGENDA	TINDAKAN/ MAKLUMAN
8.6	LAPORAN PENILAIAN RISIKO (RA) DAN PELAN PEMULIHAN RISIKO (RTP) SISTEM PENGURUSAN KESELAMATAN MAKLUMAT (ISMS) MS ISO/IEC 27001:2013 Mesyuarat: 8.6.1 mengambil maklum laporan penilaian risiko yang dibentangkan adalah merupakan <i>output</i> daripada Bengkel Semakan dan Pembentangan Penilaian Risiko ISMS yang dijalankan pada 10 hingga 11 Januari 2018. 8.6.2 mengambil maklum secara keseluruhan terdapat sebanyak 1181 risiko dengan tahap rendah (L), 146 risiko dengan tahap sederhana (M) dan tiada risiko dengan tahap Tinggi (H). 8.6.3 bersetuju meluluskan laporan penilaian risiko ISMS bagi semakan Januari 2018 dengan beberapa cadangan penambahbaikan yang dicadangkan semasa mesyuarat. Ringkasan laporan penilaian risiko yang telah dikemaskini adalah sepertimana di Lampiran E.	Makluman Makluman Penyelaras Penilaian Risiko ISMS/ Peneraju ISMS yang berkenaan
8.7	LAPORAN PELAKSANAAN SISTEM PENGURUSAN KESELAMATAN MAKLUMAT (ISMS) MS ISO/IEC 27001:2013 SETIAP PENERAJU ISMS 8.7.1 Mesyuarat meneliti laporan pelaksanaan Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat setiap peneraju ISMS yang diterima daripada Pasukan Penilaian Pengajaran adalah seperti di Lampiran F. 8.7.2 Mesyuarat meminta semua peneraju memastikan hanya aktiviti/operasi yang signifikan dengan pelaksanaan ISMS sahaja yang dilaporkan dalam pelaporan agenda ini pada masa hadapan.	Makluman Semua Peneraju ISMS

MINIT	AGENDA	TINDAKAN/ MAKLUMAN
8.8	HAL-HAL LAIN 8.8.1 Cadangan Perubahan Struktur ISMS Tahun 2018 (a) Mesyuarat mengambil maklum cadangan perubahan struktur ISMS setiap peneraju adalah sepertimana di Lampiran G. Cadangan perubahan ini mengambilkira pelantikan Timbalan Wakil Pengurusan (TWP) PTJ sebagai Ketua Pasukan setiap Peneraju ISMS kecuali bagi Pasukan Pusat Data dimana Ketua Pasukan dipersetujui dilantik bukan daripada TWP Pusat Pembangunan Maklumat dan Komunikasi (iDEC) memandangkan TWP iDEC telah dilantik memegang jawatan sebagai Penasihat bagi Jawatankuasa Kerja ISMS dan juga merupakan Penasihat ISMS bagi Pasukan Pusat Data. (b) Mesyuarat meneliti dan bersetuju supaya struktur setiap peneraju ISMS ditambahbaik dengan menggabungkan Penyelaras Penilaian risiko dan Penyelaras SoA dibawah struktur yang sama. (c) Mesyuarat turut mencadangkan supaya Penyelaras Proses bagi Struktur Pendaftaran Pelajar Baharu Prasiswazah (Kampus Bintulu) digantikan dengan pegawai daripada Bahagian Hal Ehwal Pelajar yang bertanggungjawab mengendalikan proses pendaftaran pelajar itu sendiri. (d) Mesyuarat meminta semua Peneraju mengemaskini struktur ISMS masing-masing dan dikembalikan kepada pihak sekretariat di Pusat Jaminan Kualiti sebelum atau pada 9 April 2018 untuk tujuan perlantikan ke atas penama yang dicadangkan. (e) Mesyuarat turut bersetuju melantik Puan Noorizai Haji Mohamad Noor, Ketua Bahagian Pengurusan Kualiti Perkhidmatan, Pusat Jaminan Kualiti sebagai Penasihat Baharu bagi Jawatankuasa Kerja ISMS UPM. (f) Mesyuarat secara dasarnya bersetuju meluluskan cadangan perubahan struktur semua peneraju pasukan ISMS mengambilkira perubahan yang dicadangkan untuk pelaksanaan bermula Mei 2018.	Makluman Semua Peneraju ISMS Peneraju ISMS (Pendaftaran Pelajar Baharu Prasiswazah –Kampus Bintulu) Peneraju ISMS yang terlibat Urusetia CQA Urusetia CQA

MINIT	AGENDA	TINDAKAN/MAKLUMAN						
	8.8.2 Status Penutupan Penemuan Audit Dalaman dan Audit SIRIM ISMS Tahun 2017 (a) Mesyuarat mengambil maklum status penutupan bagi 14 Laporan Ketakakuran (NCR) Audit Dalaman ISMS Tahun 2017 adalah sepertimana yang dipaparkan melalui Portal Audit Dalaman iaitu 9 NCR ditutup, 1 NCR gugur dan 4 NCR belum ditutup. Mesyuarat meminta peneraju yang terlibat menyemak status penutupan NCR masing-masing dan mengambil tindakan penutupan segera berdasarkan tarikh akhir penutupan yang dinyatakan/dipersetujui dengan pihak Juruaudit. (b) Mesyuarat mengambil maklum ke semua pelan tindakan bagi lapan (8) Laporan Peluang Penambahbaikan Audit Pemanatauan Semakan 2 SIRIM ISMS Tahun 2017 telah diberi maklum balas oleh peneraju dan semua peneraju diminta mengambil tindakan dan mengemukakan bukti pelaksanaan tindakan selewatnya satu (1) bulan sebelum pelaksanaan audit SIRIM tahun 2018. 8.8.3 Templat Penyediaan Laporan Mesyuarat Kajian Semula Pengurusan (MKSP) ISMS Tahun 2018 Mesyuarat mengambil maklum templat pelaporan bagi setiap peneraju ISMS yang perlu dihantar kepada sekretariat adalah sepertimana paparan semasa mesyuarat. Mesyuarat dimaklumkan templat ini akan dihantar kepada semua peneraju dalam masa terdekat bagi tujuan pengumpulan laporan untuk MKSP ISMS yang akan diadakan pada 7 Ogos 2018. 8.8.4 Maklum balas Pihak Berkepentingan ISMS Mesyuarat mengambil maklum dan tindakan berkaitan persediaan pelaporan maklum balas pihak berkepentingan ISMS bagi tahun 2018 yang akan dilaksanakan sepertimana berikut, iaitu: <table border="1"> <thead> <tr> <th>Bil</th><th>Peneraju ISMS</th><th>Kaedah pelaksanaan</th></tr> </thead> <tbody> <tr> <td>1.</td><td>Pasukan Pendaftaran Pelajar Baharu (Serdang dan</td><td> - Semak kerelevanan soalan kaji selidik sediaada (tambahbaik jika perlu) - Laksana pada Bulan September 2018 semasa </td></tr> </tbody> </table>	Bil	Peneraju ISMS	Kaedah pelaksanaan	1.	Pasukan Pendaftaran Pelajar Baharu (Serdang dan	- Semak kerelevanan soalan kaji selidik sediaada (tambahbaik jika perlu) - Laksana pada Bulan September 2018 semasa	Peneraju ISMS yang berkenaan Peneraju ISMS yang berkenaan Urusetia CQA/ Semua Peneraju ISMS Makluman
Bil	Peneraju ISMS	Kaedah pelaksanaan						
1.	Pasukan Pendaftaran Pelajar Baharu (Serdang dan	- Semak kerelevanan soalan kaji selidik sediaada (tambahbaik jika perlu) - Laksana pada Bulan September 2018 semasa						

MINIT		AGENDA			TINDAKAN/ MAKLUMAN
			Bintulu)	Pendaftaran Pelajar Baharu Prasiswazah	
	2.	Pasukan Pusat Data	• Disasarkan kepada PTJ (Soal selidik khusus sepertimana tahun sebelumnya) • Laksana pada Jun 2018 (hantar kepada TWP PTJ)		
	3.	Pasukan Penilaian Pengajaran	• Disasarkan kepada pensyarah (pihak berkepentingan) • Laksana pada Jun 2018		
8.9	PENANGGUHAN MESYUARAT				
	Mesyuarat ditangguhkan pada jam 12.15 tengahari dengan ucapan terima kasih daripada Pengerusi.				

**SENARAI KEHADIRAN
MESYUARAT JAWATANKUASA KERJA
SISTEM PENGURUSAN KESELAMATAN MAKLUMAT (ISMS) MS ISO/IEC 27001:2013
KALI KELAPAN**

HADIR

1. Encik Mohd Faizal Daud **- Pengerusi**
2. Encik Rosmi Othman (Penasihat Jawatankuasa Kerja ISMS)
3. Tuan Haji Rosdi Wah (Penasihat Jawatankuasa Kerja ISMS)
4. Dr. Aryaty Alwie - *melalui Video Konferen*
(Peneraju, Pasukan Pendaftaran Pelajar Baharu Prasiswazah – Kampus Bintulu)
5. Puan Hashimah Amat Sejani (Penyelaras Penilaian Risiko ISMS)
6. Puan Shamriza Shari **- Setiausaha**

TURUT HADIR

1. Encik Azlan Ibrahim (Wakil Encik Mohd Nazri Noh)
2. Encik Sudirman Asmadi (Kampus Bintulu) - *melalui Video Konferen*
3. Encik Ahmad Nizam Abdullah (Pusat Pembangunan Akademik)

TIDAK HADIR (DENGAN KENYATAAN)

1. Encik Mohd Nazri Noh
(Peneraju, Pasukan Pendaftaran Pelajar Baharu Prasiswazah – Kampus Serdang)
2. Encik Shahril Iskandar Amir (Peneraju, Pasukan Pusat Data)
3. Puan Yasminani Mohamad (Peneraju, Pasukan Penilaian Pengajaran)



		- Susunan kaunter yang membolehkan semakan dibuat terlebih dahulu sebelum penyerahan kad matrik kepada pelajar; dan - Kad matrik pelajar disusun dan diasingkan mengikut kolej kediaman dan diserahkan lebih awal kepada pihak kolej. (d) <u>Minit 6.8.1</u> – meminta semua peneraju menyemak senarai dokumen rujukan luar yang dipaparkan dalam eISO dan memaklumkan kepada pihak CQA sekiranya ada dokumen yang dirujuk tetapi tidak dipaparkan dalam eISO.	Semua Peneraju ISMS	Telah dilaksanakan.
2.	7.4	LAPORAN PENCAPAIAN OBJEKTIF KESELAMATAN MAKLUMAT SISTEM PENGURUSAN KESELAMATAN MAKLUMAT (ISMS) MS ISO/IEC 27001:2013 7.4.4 meneliti dan bersetuju dengan penetapan Objektif Keselamatan Maklumat tahun 2018 daripada empat (4) kepada enam (6) mengambilkira aktiviti perluasan skop penilaian pengajaran sebagaimana di Lampiran D. 7.4.5 mengambil maklum dan bersetuju dengan kaedah pengukuran bagi objektif ISMS baharu sepertimana berikut:	Sekretariat Pusat Jaminan Kualiti Peneraju Penilaian Pengajaran	Telah diambil tindakan. Selepas pemakluman dalam Mesyuarat Jawatankuasa Kualiti UPM Kali ke 38, dokumen telah dimuatnaik dalam eISO UPM. Telah dilaksanakan bagi pengukuran penilaian pengajaran pada bermula Februari 2018.

5.	7.7	LAPORAN PERLUASAN SKOP SISTEM PENGURUSAN KESELAMATAN MAKLUMAT (ISMS) MS ISO/IEC 27001:2013 TAHUN 2018 7.7.2 meminta supaya pihak Pusat Pembangunan Akademik selaku peneraju proses penilaian pengajaran membuat pemakluman awal kepada pihak PTJ dan juga Mesyuarat Jawatankuasa Pengajaran dan Pembelajaran UPM berkaitan pelaksanaan perluasan skop ISMS bagi penilaian pengajaran pada tahun 2018 sebelum pelaksanaan Taklimat Kesedaran dan Perluasan Skop ISMS pada 8 Mac 2018.	Peneraju Penilaian Pengajaran	Tindakan telah dilaksanakan.
6.	7.8	LAPORAN PELAKSANAAN SISTEM PENGURUSAN KESELAMATAN MAKLUMAT (ISMS) MS ISO/IEC 27001:2013 SETIAP PENERAJU ISMS 7.8.2 Mesyuarat meminta semua peneraju memastikan sekurang-kurangnya satu (1) atau dua (2) aktiviti/operasi ISMS dilaksanakan di peringkat peneraju bagi membolehkan ianya dapat dilaporkan pada setiap Mesyuarat Jawatankuasa Kerja ISMS.	Semua Peneraju ISMS	Pelaporan semasa mesyuarat oleh semua peneraju.
7.	7.9	HAL-HAL LAIN 7.9.1 Status Penutupan Penemuan Audit Dalam ISMS Tahun 2017 (c) Mesyuarat meminta supaya peneraju kepada NCR yang belum ditutup supaya mengambil tindakan penutupan segera berkaitan perkara ini.	Peneraju ISMS yang terlibat/ Sekretariat Pusat Jaminan Kualiti	Pemantauan telah dilaksanakan pada pertengahan Februari 2018 dengan semua Peneraju dan Juruaudit yang terlibat. Pelaporan terkini sepertimana pada Agenda 8.2.

LAMPIRAN C**OBJEKTIF DAN SASARAN KESELAMATAN MAKLUMAT TAHUN 2018**

BIL	PENYATAAN OBJEKTIF	SASARAN	PENERAJU	CATATAN
1.	Memastikan pelajar prasiswazah yang mengemukakan tawaran yang sah dibenarkan mendaftar	100%	Pasukan Pendaftaran Pelajar Baharu Prasiswazah (Kampus Serdang dan Bintulu)	Objektif Sedia ada (Pelaporan keseluruhan selepas kemasukan pelajar sesi 2018/2019 pada September 2018)
2.	Memastikan pembayaran yuran pengajian adalah secara atas talian	98% (UPM Serdang) 75% (UPM Bintulu)	Pasukan Pendaftaran Pelajar Baharu Prasiswazah (Kampus Serdang dan Bintulu)	Objektif Sedia ada (Pelaporan keseluruhan selepas kemasukan pelajar sesi 2018/2019 pada September 2018)
3.	Memastikan proses pemulihan sistem aplikasi pendaftaran pelajar baharu dapat dilaksanakan	≤ 8 jam	Pasukan Pusat Data	Objektif Sedia ada (Perancangan simulasi akan dilaksanakan pada Julai 2018. Kiraan bermula daripada masa <i>server down</i> hingga sistem di <i>server</i> kembali berfungsi)
4.	Memastikan <i>Service Level Agreement</i> (SLA) 95.0 sokongan ICT Pusat Data (rangkaian, sistem aplikasi dan pangkalan data) terhadap proses pendaftaran pelajar baharu bebas dari gangguan setiap semester	95%	Pasukan Pusat Data	Objektif Sedia ada (Pelaporan keseluruhan selepas kemasukan pelajar sesi 2018/2019 pada September 2018)
5.	Memastikan penilaian pengajaran setiap pelajar adalah rahsia	100%	Pasukan Penilaian Pengajaran	Objektif Baharu (Pengukuran pada Januari dan Jun 2018)

BIL	PENYATAAN OBJEKTIF	SASARAN	PENERAJU	CATATAN
6.	Memastikan pelajar yang membuat penilaian merupakan pelajar berdaftar dalam Sistem Maklumat Pelajar (eSMP) dan <i>Graduate Information Management System</i> (iGIMS)	100%	Pasukan Penilaian Pengajaran	Objektif Baharu (Pengukuran pada Januari dan Jun 2018)

DOKUMEN RUJUKAN PELAKSANAAN ISMS UPM

Semakan secara menyeluruh ke atas dokumentasi ISMS supaya lebih **mudah, ringkas dan patuh** keperluan keperluan Standard MS ISO/IEC 27001:2013

simplify.

MANUAL ISMS – dipermudah sebagai **DOKUMENTASI RUJUKAN PELAKSANAAN ISMS UPM**, yang merangkumi maklumat berikut:

- i. Isu Dalaman dan Isu Luaran
 - ii. Pihak Berkepentingan dan Keperluan & Jangkaan Mereka
 - iii. Dasar Pengurusan Keselamatan Maklumat
 - iv. Objektif Pengurusan Keselamatan Maklumat
 - v. Pengurusan Risiko
 - vi. *Statement of Applicability (SoA)*
- Dan dipertanggungjawabkan kepada CQA





SENARAI KANDUNGAN

1.0 Pengenalan

- 1.1 Pengenalan Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat (ISMS)
- 1.2 Sejarah Pelaksanaan ISMS di UPM

2.0 Pelaksanaan ISMS

- 2.1 Dasar
- 2.2 Skop
- 2.3 Objektif
- 2.4 Pihak Berkepentingan dan Ekspektasi Mereka
- 2.5 Isu Dalaman dan Isu Luaran
- 2.6 Pengurusan Risiko

3.0 *Statement of Applicability (SoA)*

4.0 Senarai *Standard Operation Procedure (SOP)* yang Dirujuk

LAPORAN PENUH PENILAIAN RISIKO PENERAJU PROSES SKOP ISMS SEMAKAN JANUARI 2018

1. PENERAJU PENDAFTARAN PELAJAR BAHARU PRASISWAZAH KAMPUS SERDANG

Bil	Nama Proses	Bil Aset	Bil Ancaman	Bil. Tahap Risiko (Bilangan Ancaman)			Punca Dominan	Kawalan Sediaada (Existing Safeguard)	Kawalan yang dirancang (Planned Safeguard)	Pelan Pemulihan Risiko (Risk Treatment Plan)
				L	M	H				
1.	Proses Pendaftaran Pelajar Baharu Prasiswazah Kampus Serdang	573	755	751	4	0	Pengesahan Pendaftaran Pelajar Baharu Prasiswazah di Kolej Kediaman			
							Gangguan Perkhidmatan Rangkaian ICT	Pelaksanaan proses pendaftaran secara manual Masukkan maklumat yang diperlukan ke dalam SMP selepas rangkaian pulih berdasarkan bilangan pelajar baharu yang hadir.	Mewujudkan Pelan Pemulihan Bencana Proses Pendaftaran Pelajar. Nota: bencana seperti Kegagalan Perkhidmatan Rangkaian ICT dan Perkhidmatan Punca Kuasa Elektrik	Tiada
							Gangguan Perkhidmatan Punca Kuasa Elektrik	Hubungi Pejabat Pembangunan dan Pengurusan Aset (PPPA)		

Bil	Nama Proses	Bil Aset	Bil Ancaman	Bil. Tahap Risiko (Bilangan Ancaman)			Punca Dominan	Kawalan Sediaada (Existing Safeguard)	Kawalan yang dirancang (Planned Safeguard)	Pelan Pemulihan Risiko (Risk Treatment Plan)
				L	M	H				
							Kad Pelajar Baharu Siswazah			
							Gangguan Perkhidmatan Rangkaian ICT	Laksana baikpulih rangkaian mengikut Arahan Kerja Perkhidmatan Infrastruktur Rangkaian	Mewujudkan sistem Virtual ID UPM (Tidak memerlukan cetakan Kad Pelajar)	Tiada
							Aset: hardware Komputer mencetak kad hanya ada 1 unit sahaja	Kawalan dari peneraju proses (Bah. Keselamatan) Perlu sediakan komputer mencetak kedua		
							Pengesahan Laporan Pemeriksaan Kesihatan Pelajar Baharu Prasiswazah			
							Sistem Aplikasi Pelajar	user id	Penggunaan UPMiD pada Sistem Maklumat Pelajar	Tiada

Bil	Nama Proses	Bil Aset	Bil Ancaman	Bil. Tahap Risiko (Bilangan Ancaman)			Punca Dominan	Kawalan Sediaada (Existing Safeguard)	Kawalan yang dirancang (Planned Safeguard)	Pelan Pemulihan Risiko (Risk Treatment Plan)
				L	M	H				
							Pembayaran Yuran Pelajar Baharu Prasiswazah			
							Gangguan Perkhidmatan Rangkaian ICT	Laksana baikpulih rangkaian mengikut Arahan Kerja Perkhidmatan Infrastruktur Rangkaian	-	Tiada
							<u>Punca dari pihak ketiga (bank)</u> <i>Failure of database</i>	<i>Statement bank</i> dlm bentuk emel oleh pihak bank Hubungi Bank <i>Service Center</i>		
							Proses Muatnaik data tawaran pelajar UPU			
							Gangguan Perkhidmatan Rangkaian ICT	Laksana baikpulih rangkaian mengikut Arahan Kerja Perkhidmatan Infrastruktur Rangkaian	-	Menyediakan Jadual Kerja untuk proses muatnaik data tawaran
							Data dimanipulasi	Mewujudkan Kata laluan untuk akses ke data Tawaran UPU		

2. PENERAJU PENDAFTARAN PELAJAR BAHARU PRASISWAZAH KAMPUS BINTULU

Bil	Nama Proses	Bil Aset	Bil Ancaman	Bil. Tahap Risiko (Bilangan Ancaman)			Punca Dominan	Kawalan Sediaada (Existing Safeguard)	Kawalan yang dirancang (Plan Safeguard)	Pelan Pemulihan Risiko (Risk Treatment Plan)
				L	M	H				
1.	Proses Pendaftaran Pelajar Baharu Prasiswazah UPMKB	104	192	158	34	0	Gangguan Perkhidmatan Rangkaian ICT dan Sistem Aplikasi Gangguan Perkhidmatan Punca Kuasa Elektrik	1. Membuat backup data dari masa ke semasa 2. Laksana prosedur pemulihan yang telah dibangunkan 3. Proses pendaftaran pelajar dijalankan secara manual 4. Menyediakan genset sebagai sumber elektrik kedua.	Mewujudkan Pelan Pemulihan Bencana Proses Pendaftaran Pelajar. Nota: bencana seperti Kegagalan Perkhidmatan Rangkaian ICT dan Perkhidmatan Punca Kuasa Elektrik	Tiada

3. PENERAJU PUSAT DATA (iDEC)

Bil	Nama Proses	Bil Aset	Bil Ancaman	Bil. Tahap Risiko (Bilangan Ancaman)			Punca Dominan	Kawalan Sediaada (Existing Safeguard)	Kawalan yang dirancang (Planned Safeguard)	Pelan Pemulihan Risiko (Risk Treatment Plan)
				L	M	H				
1.	Sistem sokongan (Pusat Data)	185	239	147	92	0	<i>Hardware malfunction</i>	A.11.2.4 - <i>Equipment maintenance</i> Prosedur Penyelenggaraan ICT: • GPKTMK Perkara 11.3 (e): Penyelenggaraan Peralatan • UPM/OPR/IDEC/P003: Prosedur Penyelenggaraan ICT Pelaksanaan DRP ICT	Pengantian Server baru secara berperingkat melalui Projek <i>PutraCloud</i> Fasa-1 2018	Penyambungan Projek <i>PutraCloud</i> Fasa-2 2019

4. PENERAJU PENILAIAN PENGAJARAN (CADE)

Bil	Nama Proses	Bil Aset	Bil Ancaman	Bil. Tahap Risiko (Bilangan Ancaman)			Punca Dominan	Kawalan Sedia ada (Existing Safeguard)	Kawalan Dirancang (Planned Safeguard)	Pelan Pemulihan Risiko (Risk Treatment Plan)
				L	M	H				
1.	Proses Penilaian Pengajaran	51	141	125	16	0	<i>Hardware malfunction Lack of, or inadequate, maintenance</i>	A.11.2.4 - <i>Equipment maintenance</i> Prosedur Penyelenggaraan ICT: • GPKTMK Perkara 11.3 (e): Penyelenggaraan Peralatan • UPM/OPR/IDEC/P003: Prosedur Penyelenggaraan ICT	-	1) Melaksana kan <i>Plan Pemulihan Bencana (DRP)</i> 2) Penyediaan <i>Server backup</i>


**PELAPORAN MESYUARAT JAWATANKUASA KERJA SISTEM PENGURUSAN KESELAMATAN MAKLUMAT
MS ISO/IEC 27001:2013 SETIAP PENERAJU (PASUKAN PENILAIAN PENGAJARAN)**

**1) AKTIVITI ISMS YANG DIANJURKAN OLEH SETIAP PASUKAN ISMS YANG MEMPENGARUHI PELAKSANAAN ISMS DI UPM
(BAGI TEMPOH FEBRUARI – APRIL 2018)**


Bil	Aktiviti/Program (Mesyuarat/Bengkel/Taklimat/dll)	Tarikh	Penglibatan pegawai (siapa yang terlibat)
1.	Pengesahan pindaan terhadap Struktur Organisasi ISMS: Pasukan penilaian pengajaran oleh Pihak Pengurusan Pusat Pembangunan Akademik (CADE) dalam Mesyuarat Pengurusan CADe ke-90	19 Mac 2018	Pasukan penilaian pengajaran
2.	Pelaksanaan penilaian pengajaran atas talian bagi Program Asasi Sains Pertanian Sem. 2 Sesi 2017/2018	12 Mac - 14 April 2018	Penyelaras Proses Penilaian Pengajaran CADe dan Pusat Asasi Sains Pertanian
3.	Pelaksanaan penilaian pengajaran atas talian bagi Program Diploma Sem. 2 2017/2018	9 Februari - 11 Mac 2018	Penyelaras Proses Penilaian Pengajaran CADe dan Fakulti Sains Pertanian dan Makanan UPMKB
4.	Makluman objektif ISMS dan laporan penilaian risiko bagi skop penilaian pengajaran kepada Pihak Pengurusan CADe dalam Mesyuarat Pengurusan ke-89	5 Februari 2018	Pasukan penilaian pengajaran

CADANGAN PERUBAHAN
STRUKTUR PASUKAN ISMS 2018


**CADANGAN STRUKTUR ORGANISASI PASUKAN PENDAFTARAN PELAJAR BAHARU PRASISWAZAH
(KAMPUS SERDANG)
SISTEM PENGURUSAN KESELAMATAN MAKLUMAT (ISMS) MS ISO/IEC 27001:2013 TAHUN 2018**



**CADANGAN STRUKTUR ORGANISASI PASUKAN PENDAFTARAN PELAJAR BAHARU PRASISWAZAH
(KAMPUS BINTULU)
SISTEM PENGURUSAN KESELAMATAN MAKLUMAT (ISMS) MS ISO/IEC 27001:2013 TAHUN 2018**



**CAADANGAN STRUKTUR ORGANISASI PASUKAN PUSAT DATA
SISTEM PENGURUSAN KESELAMATAN MAKLUMAT (ISMS) MS ISO/IEC 27001:2013 TAHUN 2018**



**CADANGAN STRUKTUR ORGANISASI PASUKAN PENILAIAN PENGAJARAN
SISTEM PENGURUSAN KESELAMATAN MAKLUMAT (ISMS) MS ISO/IEC 27001:2013**

